

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Pusat Anak PERMATA Negara yang dibina, lokasi, jumlah enrolmen, jenis kelengkapan yang terdapat di setiap pusat, jumlah yang terdapat di tanah rancangan FELDA dan FELCRA serta peruntukan kepada setiap pusat mengikut tahun dari 2007 hingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sejumlah 761 buah TASKA PERMATA di bawah Program PERMATA Negara telah dibina di seluruh negara yang digerakkan oleh pelbagai agensi pelaksana seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dan TASKA Tempat Kerja dan Komuniti. Jumlah enrolmen kanak-kanak yang sedang mengikuti Program PERMATA Negara berjumlah 18,824.

Kurikulum PERMATA Negara memberikan penekanan kepada aspek persekitaran pembelajaran yang berkualiti. Persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan perkembangan kanak-kanak dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, kelengkapan dan kemudahan yang disediakan di TASKA PERMATA adalah mesra kanak-kanak dan bersesuaian dengan umur serta perkembangan mereka. Lazimnya, TASKA PERMATA dibina dengan kemudahan ruang pembelajaran kanak-kanak, tandas, dapur, ruang makan dan bilik sakit. Kelengkapan yang disediakan adalah peralatan dan kelengkapan pejabat untuk pendidik, peralatan dan perabot yang bersesuaian untuk kanak-kanak, peralatan ICT, peralatan elektrik, alat bantuan mengajar (ABM) dan barang guna habis.

Selain daripada ruang dalaman, kurikulum PERMATA Negara turut menekankan peranan aktiviti permainan luar. Kelengkapan dan kemudahan lazim yang disediakan adalah kawasan permainan pasir,

permainan air, kebun, terowong, wakaf dan jambatan gantung. Kemudahan ini disediakan bagi membolehkan kanak-kanak lebih bebas kerana terdedah kepada edaran cahaya dan udara di kawasan luar, meningkatkan kemahiran motor kasar, koordinasi anggota badan, kebolehan meneroka dan membuat pemerhatian serta kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Sebanyak 40 buah TASKA PERMATA telah dibina di tanah rancangan FELDA dan FELCRA merangkumi tujuh (7) buah di bawah Jabatan Perdana Menteri dan 33 buah di bawah KEMAS.

Peruntukan kewangan dan urusan perolehan untuk setiap TASKA PERMATA diuruskan oleh agensi-agensi pelaksana masing-masing.

Sekian. Terima kasih.